

20 FEB 2003

Samy-Doktor

MASALAH 180 DOKTOR YANG "TIDAK DIIKTIRAF" OLEH KERAJAAN SELESAI

PULAU PINANG, 20 Feb (Bernama) -- Seramai 180 graduan perubatan dari India dan Indonesia yang menghadapi masalah tidak dapat mengamalkan bidang perubatan setelah kelulusan mereka tidak diiktiraf oleh kerajaan, kini selesai dan diberi peluang mengikuti kursus jangka pendek di tiga buah universiti tempatan.

Presiden MIC Datuk Seri Samy Vellu hari ini berkata, kesemua graduan berkenaan telah ditawarkan mengikuti kursus enam bulan di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.

Katanya, beliau telah membawa masalah berkenaan kepada jemaah menteri dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah mengarahkan supaya yuran kursus enam bulan yang dikenakan sebanyak RM5,000 seorang itu dikurangkan dan dibantu oleh kerajaan.

Beliau memberitahu pemberita selepas menghadiri majlis makan malam Tabung Bangunan Universiti AIMST anjuran MIC di sini bahawa selain itu beberapa pelajar perubatan dari sebuah universiti di Rusia yang sebelum ini tidak diiktiraf oleh kerajaan juga kini boleh memulakan pengamalan mereka.

"Perdana Menteri telah meminta Kementerian Kesihatan memberi kelulusan kepada para graduan perubatan Rusia itu untuk mengamalkan bidang perubatan masing-masing bermula dari tarikh mereka menerima ijazah," kata beliau.

Para pelajar berkenaan pada bulan lepas menemui Samy untuk mengadu nasib mereka yang telahpun tamat pengajian, tetapi tidak dibenarkan mengamalkan bidang perubatan masing-masing kerana kelulusan ijazah mereka tidak diiktiraf atas alasan menuntut di beberapa buah universiti yang tidak diiktiraf oleh kerajaan di India, Indonesia dan Rusia.

Bagaimanapun, baru-baru ini kerajaan telah mengiktiraf kelulusan perubatan dari universiti di Rusia itu.

Samy berkata, para graduan itu adalah penuntut persendirian dan masalah mereka dianggap telah selesai.

Terdahulu itu, ketika merasmikan majlis makan malam itu, beliau berkata MIC setakat ini telah mengutip RM18 juta bagi mengisi tabung pembinaan universiti tajaan parti itu, AIMST, di Semeling, Kedah.

Katanya, jumlah itu tidak termasuk kutipan sebanyak RM30 juta oleh beliau sendiri dan ia masih tidak mencukupi memandangkan sasaran kutipan sebenar ialah sebanyak RM50 juta.

-- BERNAMA

AZE ZB